

LAWATAN

UNIVERSITAS UBUDIYAH INDONESIA

ke UniMAP

Hubungan di antara Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) dan Aceh diharapkan semakin erat dengan pelbagai kerjasama dua hala yang mampu memberi banyak manfaat kepada kedua-dua belah pihak. Harapan itu disuarakan oleh Naib Canselor UniMAP Datuk Prof Dr Kamarudin Hussin ketika berucap mengalu-alukan kedatangan delegasi dari seberang itu di majlis makan malam di Hotel Seri Malaysia. Menurut Datuk Kamarudin, sebelum ini hubungan terjalin di antara UniMAP dan Universitas Ubudiyah Indonesia (UII) dari wilayah



berkenaan telah dimeterai dengan kerjasama dalam pelbagai bidang. Delegasi dari Aceh turut disertai Ikatan Wanita Pengusaha Indonesia (IWAPI) yang bakal menjalinkan kerjasama dengan Persatuan Isteri-isteri dan Kakitangan

Wanita (Piskanita) UniMAP dengan aktiviti dua hala termasuk a k t i v i t i kemasyarakatan. Turut menyertai delegasi dari Aceh itu ialah isteri wakil gabenor Aceh, Marliyana Usman. Hadir sama ke majlis makan malam berkenaan ialah Pengerusi Piskanita UniMAP Datin Noridah Yangman dan Rektor UII, Maniarti M.Kes.

Delegasi dari Aceh itu dijangka mengadakan lawatan kerja ke Hatyai Thailand bagi menjalinkan kerjasama di Universiti Walailak dan Universiti Prince Of Songkla (PSU) bersama delegasi UniMAP selama dua hari.